

## Bekalan keperluan harian mencukupi: Safar

Published on: Sunday, March 22, 2020

By: Ottey Peter



**SAFAR** (kedua dari kiri) bersama Abas (kiri) dan yang lain semasa menjalankan pemeriksaan barang di Bataras Kolombong.

**KOTA KINABALU:** Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah, Datuk Safar Untong memberi jaminan kepada orang ramai bahawa Negeri ini masih mempunyai bekalan keperluan harian yang mencukupi dan orang ramai tidak perlu bimbang.

Beliau berkat orang ramai tidak perlu panik dengan berita pembelian panik kerana bekalan makanan mencukupi dan barang kawalan dijual pada harga yang berpatutan.

Beliau berkata demikian semasa membuat pemantauan di Bataras Hypermarket Kolombong, yang dilaksanakan oleh Sabah Covid-19 Command Centre Committee bersama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) di sini, Sabtu.

Sementara itu, Pengarah KPDNHEP Sabah, Georgie Abas berkata mereka mengambil tindakan proaktif dengan memantau dan memeriksa bekalan keperluan seluruh Sabah, berikutan berita berkaitan pembelian panik disebabkan oleh wabak Covid-19 yang melanda di negara ini.

Beliau berkata kira-kira 200 pegawai penguatkuasa dan 90 pegawai memantau harga barang melibatkan pemeriksaan terhadap 90 premis.

Beliau mengesahkan kakitangan pasaraya supaya membuat pemeriksaan suhu sebelum memasuki premis dan meletakkan tanda di kaunter pembayaran supaya orang boleh menjarakkan diri mereka diantara satu dengan yang lain.

Mengenai pengumuman terhadap peningkatan harga siling untuk topeng muka tiga lapis bersama dengan larangan topeng muka eksport, Abas berharap akan ada bekalan topeng muka yang mencukupi di pasaran dalam tempoh satu hingga dua minggu.

"Dengan harga siling yang baru, semua pengeluar topeng muka di negara ini, serta pengimport item itu, boleh meningkatkan bekalan untuk kegunaan domestik ketika kita melawan covid-19," katanya.

<http://www.dailyexpress.com.my/news/149288/bekalan-keperluan-harian-mencukupi-safari/>

